

**PENDEKATAN AL-*HIWĀR* DALAM INSTITUSI KELUARGA MENURUT
KITAB AL-TARBIYYAH AL-RASHĪDAH ABDUL KARIM BAKKAR*****AL-HIWĀR APPROACH IN FAMILY INSTITUTIONS ACCORDING TO THE
BOOK OF AL-TARBIYYAH AL-RASHĪDAH ABDUL KARIM BAKKAR***

Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah^{1*}, Safinah Ismail², Mariam Abd. Majid³, Abur Hamdi Usman⁴, Abdul Wahab Md. Ali⁵, Rosmawati Mohamad Rasit⁶ & Zulkefli Aini⁷

¹Pelajar Sarjana, Jabaran Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 22mt09002@student.kuis.edu.my.

²Pensyarah, Jabaran Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), safinah@kuis.edu.my.

³Pensyarah Kanan, Jabaran Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), mariam@kuis.edu.my.

⁴Pensyarah Kanan, Jabaran Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), aburhamdi@kuis.edu.my.

⁵Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dungun, Terengganu. abdulwahab@uitm.edu.my.

⁶Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), rosmawati@ukm.edu.my.

⁷Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), zulaini@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 7 April 2023

| Selepas Pembetulan: 24 Oktober 2023

| Diterima untuk terbit: 10 Nov 2023

Abstrak

Komunikasi merupakan satu aspek yang memainkan peranan penting dalam menjaga dan meningkatkan hubungan kekeluargaan. Kegagalan berkomunikasi dengan ahli keluarga memberikan kesan yang pelbagai terhadap mental, fizikal, emosi, rohani dan sosial seseorang individu. Kebanyakan konflik yang berlaku dalam keluarga berlaku disebabkan oleh masalah komunikasi bersama ahli keluarga yang tidak dikendalikan dengan baik. Melalui kitab *al-Tarbiyyah al-Rashidah*, Abdul Karim Bakkar menengahkan pendekatan sesi *al-Hiwār* yang melibatkan semua ahli keluarga tidak kira tua dan muda. Dalam sesi *al-Hiwār* ini, setiap ahli keluarga akan melontarkan pandangan masing-masing, memikirkan idea atau jalan penyelesaian bagi sesuatu isu dan menyangkalnya jika terdapat perkara yang tidak memuaskan dengan penuh adab. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pendekatan *al-Hiwār* dalam institusi keluarga menurut kitab *al-Tarbiyyah al-Rashidah* karangan Abdul Karim Bakkar. Kajian ini dijalankan melalui pendekatan iaitu analisis dokumen dengan merujuk sumber primer kitab *al-Tarbiyyah al-Rashidah*. Hasil kajian menunjukkan bahawa untuk menjalankan sesi *al-Hiwār* atau perbincangan antara ahli keluarga, beberapa perkara perlu diambil kira. Antaranya ialah, melantik seorang ketua bagi setiap sesi, menentukan tempoh masa yang diambil, memilih tempat yang sesuai, memegang matlamat utama sesi *al-Hiwār* diadakan, memerlukan suasana yang tenang dan kesediaan psikologi setiap ahli, membuka ruang untuk ahli keluarga bersuara dan mengakui pandangan mereka, bersifat santai dan selitkan unsur jenaka, menggunakan bahasa yang jelas dan mengawal sesi *al-Hiwār* supaya tidak berlaku pergaduhan. Kajian ini berharap dapat memberikan panduan buat ibu bapa khususnya ibu bapa Muslim dalam mengendalikan keluarga dan meningkatkan usaha untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Kata kunci

al-Ḥiwār, komunikasi, keluarga, al-Tarbiyyah al-Rashīdah, Abdul Karim Bakkar

Abstract

*Communication is an aspect that plays an important role in maintaining and improving family relationships. Failure to communicate with family members has various effects on an individual's mental, physical, emotional, spiritual and social. Most conflicts in families occur due to communication problems with family members that are not handled well. Through the book *al-Tarbiyyah al-Rashīdah*, Abdul Karim Bakkar highlights the approach of *al-Ḥiwār* sessions that involve all family members regardless of age and youth. In this *al-Ḥiwār* session, each family member will present their views, think of ideas or solutions for an issue and refute it if there is anything that is not satisfactory with full courtesy. Therefore, this study was conducted to analyze the approach of *al-Ḥiwār* in family institutions according to the book *al-Tarbiyyah al-Rashīdah* written by Abdul Karim Bakkar. The methodology used is a qualitative method which is document analysis by referring to the primary sources of *al-Tarbiyyah al-Rashīdah*. The results of the study show that to conduct *al-Ḥiwār* sessions or discussions between family members, several things need to be taken into account. Among them are, appointing a leader for each session, determining the length of time taken, choosing a suitable place, holding the main goal of the *al-Ḥiwār* session held, requiring a calm atmosphere and the psychological readiness of each member, opening space for family members to speak and acknowledge their views, be relaxed and insert elements of humor, use clear language and control *al-Ḥiwār* sessions so that there are no fights. This study hopes to guide parents, especially Muslim parents, in managing the family and increasing efforts to strengthen family ties.*

Keywords

al-Ḥiwār, communication, family, al-Tarbiyyah al-Rashīdah, Abdul Karim Bakkar

1.0 Pendahuluan

Istilah '*al-Ḥiwār*' merupakan istilah bahasa Arab yang diambil daripada kata dasar *hāwara* yang bermakna sesi dialog bersama dua orang atau lebih (Ahmad Mukhtar 2008). Manakala menurut Ahmad Faizuddin dan Jaffary (2016), sesi dialog ini merupakan satu usaha untuk mendapatkan persefahaman antara dua pihak atau lebih dan bagi mengurangkan konflik dalam hubungan. Di dalam al-Quran, istilah *al-Ḥiwār* ini disebutkan di dalam tiga tempat yang berbeza melalui perkataan *yuhāwiruhu* dan *tahāwurakumā*. Perkataan *yuhāwiruhu* dijumpai dalam surah al-Kahfi ayat 34 dan ayat 37 yang membawa makna perdebatan dan pendekatan dakwah iaitu pujukan. Manakala, *tahāwurakumā* dijumpai dalam surah al-Mujadalah ayat 1 dengan makna perbincangan atau meminta pendapat (Ahmad Faizuddin & Jaffary 2016).

Al-Ḥiwār (dialog) merupakan interaksi jiwa lebih daripada interaksi akal dan berdialog sesama ahli keluarga adalah lebih sukar berbanding berdialog antara dua orang kawan atau dua orang yang sedang bekerja (Abdul Karim 2009). Masalah yang berlaku dalam keluarga membuatkan seseorang lebih berahsia dan memilih untuk memendamkannya lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan ibu bapa (Putu & Ulio 2020). Dalam masa yang sama, ibu bapa kurang berkomunikasi dengan anak remaja berkenaan masalah dan keperluan anak (Absha & Mohd Isa 2019; Holman & Kellas 2018). Oleh itu, sesetengah ibu bapa yang beranggapan telah mengetahui cita-cita dan kelemahan anak serta telah mencuba untuk membantu anaknya tetapi

tidak berjaya akan berasa dialog merupakan suatu perkara yang remeh dan tidak berfaedah (Abdul Karim 2009).

Komunikasi antara ibu bapa dengan anak melibatkan lebih daripada sekadar ekspresi. Ia memerlukan ketersediaan, pendengaran, hormat antara satu sama lain dan emosi. Peranan komunikasi adalah satu faktor yang signifikan bagi membangunkan hubungan interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak. (Runcan et al. 2012). Malangnya, terdapat ibu bapa yang tidak tahu bagaimana untuk berhadapan dengan anak-anak yang berada dalam fasa remaja disebabkan kurangnya pengetahuan berkenaan ilmu keibubapaan (Syah et al. 2017). Tambahan pula, cabaran seperti kekgangan masa untuk berkomunikasi dengan keluarga dalam kehidupan seharian disebabkan ibu bapa sibuk menyebabkan kurangnya komunikasi dalam keluarga (Mohamad Khairi et al. 2016). Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, kajian ini perlu dijalankan untuk membincangkan berkenaan kaedah pendekatan *al-Hiwār* sebagai satu usaha memperbaiki dan meningkatkan lagi komunikasi antara ahli keluarga mengikut saranan Abdul Karim Bakkar di dalam kitabnya *al-Tarbiyyah al-Rashīdah*.

2.0 Tinjauan Literatur

Keluarga yang bahagia sememangnya idaman bagi setiap insan di atas muka bumi ini. Namun begitu, tidak semua orang mempunyai pengetahuan bagaimana untuk membinanya. Malah, jika mempunyai pengetahuan sekalipun, belum tentu mampu untuk melaksanakannya. Hal ini demikian kerana, kebahagiaan sesebuah keluarga tidak dapat dicapai tanpa kerjasama yang utuh antara ahli keluarga (Iwan, 2021). Hubungan ahli keluarga yang renggang akhirnya akan memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan ahli keluarga itu sendiri. Di dalam jadual di bawah, pengkaji menyenaraikan kajian-kajian lepas yang menunjukkan kesan apabila tahap hubungan kekeluargaan rendah.

Jadual 1 Kesan tahap hubungan ahli keluarga yang rendah

Pengkaji	Tahun	Tajuk Kajian	Kesan
Khadijah et al.	2012	Hamil luar nikah dalam kalangan remaja	Nasihat ibu bapa tidak diendahkan remaja, kurang rasa hormat terhadap ibu bapa dan cenderung terlibat dengan tingkah laku seksual.
Hye Jin Seo et al.	2017	<i>Factors associated with bullying victimization among Korean adolescents</i>	Anak menjadi pembuli dan menganiaya murid lain di sekolah.
Ma Razhanlaily & Salasiah	2017	Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja	Remaja terdedah dengan pergaulan bebas.
Maznah et al.	2018	Kefungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal: suatu penerokaan	Anak remaja perempuan menjadi tidak terkawal (hubungan seks, hamil luar nikah & pembuangan bayi).
Susanne Alm et al.	2019	<i>Poor Family Relationships in Adolescence and the</i>	Anak-anak terdedah dengan masalah kesihatan seterusnya berisiko dengan

			<i>Risk of Premature Death: Findings from the Stockholm Birth Cohort Study</i>	kematian pramatang.
Fadzilah Noremy	& 2019		LGBT dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam	Anak dahagakan kasih sayang ibu bapa dan sokongan keluarga seterusnya terlibat dalam LGBT.
Wang et al.	2019		<i>Mental health among left-behind children in rural China in relation to parent-child communication</i>	Kesihatan mental anak terganggu.
Maryam et al.	2020		<i>Effect of parent-child relationship on physical aggression among adolescents: Global school-based student health survey</i>	Anak cenderung terhadap keganasan fizikal. Remaja perempuan lebih terkesan apabila tahap hubungan ibu bapa dengan mereka rendah.
Susanne Alm et al.	2020		<i>Poor family relationships in adolescence as a risk factor of in-patient psychiatric care across the life course: A perspective cohort study</i>	Cenderung terhadap masalah kesihatan mental yang serius seperti stres seterusnya membawa kepada masalah kesihatan yang lain. Ia juga memberi kesan terhadap sosial anak apabila meningkat dewasa.

Berdasarkan jadual di atas, pelbagai kesan dapat dilihat apabila tahap hubungan kekeluargaan rendah. Antaranya ialah anak akan mula tidak mengendahkan nasihat ibu bapa seterusnya cenderung untuk terjebak dalam salah laku seksual, menjadi pembuli yang menganiaya pelajar lain di sekolah, terdedah dengan pergaulan bebas, anak mudah terlibat dengan kegiatan LGBT dan keganasan fizikal serta kesihatan fizikal dan mental anak akan terganggu. Oleh yang demikian, kajian-kajian di atas jelas menunjukkan bahawa kerapuhan hubungan kekeluargaan yang rendah memberi kesan negatif terhadap anak dalam pelbagai aspek kehidupan.

3.0 Sinopsis Kitab *Al-Tarbiyyah Al-Rashidah*

Kitab ini mempunyai enam siri penerbitan iaitu *Masār al-Ussrah*, *al-Qawā'id al-'Ashr*, *al-Tawāṣul al-Asrī*, *al-Murāhiq*, *Mushkilāt al-Affāl* dan *Tiflun yaqra'*, namun jilid-jilid ini tidak diterbitkan secara serentak. Oleh sebab itu, beberapa tahun penerbitan jilid adalah sama manakala yang lain berbeza. Jilid yang pertama dikeluarkan pada tahun 2009 oleh penerbit *al-Islām al-Yaum*, Riyadh. Manakala jilid yang keenam dikeluarkan pada tahun 2010. Kesemua buku ini telah dicetak semula sehingga edisi ketiga, dan masing-masing telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia dan Inggeris di bawah tajuk '*Serial Membina Keluarga Islam*' dan '*Successful Family Upbringing Series*'. Buku ini juga telah diterjemahkan dan diterbitkan di Malaysia, Arab Saudi, Nigeria, Filipina, dan negara-negara lain.

Jilid yang pertama iaitu *Masār al-Ussrah* membincangkan berkenaan panduan penting, prinsip dan konsep untuk keluarga dalam mendidik anak-anak di

samping memberikan beberapa saranan penyelesaian bagi masalah-masalah tertentu yang mungkin berlaku dalam sebuah keluarga. Di dalam jilid yang kedua iaitu *al-Qawā'id al-'Ashr* pula membincangkan berkenaan sepuluh panduan yang sangat penting dalam mendidik anak-anak. Jilid ketiga iaitu *al-Tawāṣul al-Asrī* menghuraikan kaedah berdialog (*al-Ḥiwār*) dan pendekatan yang berbeza terhadap setiap ahli keluarga dan cara untuk menyatukan mereka. Jilid ketiga ini juga merupakan tumpuan bagi kajian ini. Manakala, jilid keempat iaitu *al-Murāḥiq* membincangkan topik bagaimana untuk ibu bapa memahami fasa remaja dan cara untuk berhadapan dengan isu-isu yang berbangkit semasa anak-anak lelaki dan perempuan berada dalam fasa ini. Seterusnya, jilid kelima dihuraikan berkenaan bagaimana untuk kenal pasti dan uruskan masalah kanak-kanak serta sepuluh masalah yang kebiasaannya dihadapi kanak-kanak. Jilid yang terakhir pula penulis menekankan berkenaan galakan kepada kanak-kanak untuk membaca dan menyayangi buku.

Bagi jilid yang ketiga iaitu *al-Tawāṣul al-Asrī*, penulis membahagikannya kepada tujuh subtopik. Penulis membincangkan berkenaan pengertian *al-Ḥiwār*, mengapa dialog diperlukan, mengapa kita tidak berinteraksi, bagaimana dialog boleh membuahkan hasil, kaedah menjalankan dialog yang lancar, interaksi antara suami dan isteri serta bila dialog dikira sebagai satu kejayaan.

4.0 Metodologi Kajian

Pengkaji menjalankan kajian melalui pendekatan kualitatif untuk mendalami tajuk kajian melalui proses kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian kepustakaan merupakan proses yang penting bagi mendapatkan maklumat berkenaan kajian ini. Pengkaji meneliti kitab asal pengarang iaitu *al-Tarbiyyah al-Rashīdah* beserta sumber sekunder iaitu buku dan jurnal yang berkaitan. Analisis dokumen kemudian dijalankan dengan melihat kaedah pendekatan *al-Ḥiwār* yang dijalankan dalam institusi keluarga.

5.0 Dapatan Kajian

Berikut merupakan saranan pendekatan *al-Ḥiwār* (dialog) oleh Abdul Karim Bakkar di dalam kitab *al-Tarbiyyah al-Rashīdah*:

5.1 Melantik seorang ketua bagi setiap sesi dialog

Abdul Karim (2009) berpandangan bahawa setiap sesi *al-Ḥiwār* yang dijalankan perlu dilantik seorang ketua untuk memandu dan mengawal situasi. Hal ini bukanlah suatu perkara yang rumit kerana ibu bapa dan ahli keluarga merupakan pemimpin atau ketua semula jadi di dalam institusi keluarga masing-masing (Reynolds et al. 2012). Ketua bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan dan kerjasama setiap ahli berkenaan peraturan semasa dialog dijalankan. Dalam masa yang sama, ketua atau orang dewasa perlu memahamkan setiap ahli tentang manfaat sesi dialog dijalankan supaya mereka mengambil berat terhadap isu yang dibincangkan. Tempoh masa bagi setiap ahli untuk berbicara juga perlu ditentukan oleh ketua (Abdul Karim 2009).

Menurut Reynolds et al. (2012) ketua perlu menghargai setiap ahli keluarga tanpa mengira kebolehan mereka, menerima setiap individu mempunyai kelebihan dan kekurangan termasuklah diri sendiri, mempercayai sesiapa boleh belajar dan tingkatkan diri, mengambil berat tentang ahli lain, mengenal pasti keperluan dan perasaan ahli, mendengar dan bertanya pandangan ahli, menghormati mereka dan tidak menghakimi, berkomunikasi dengan jelas, berani untuk berkongsi pengalaman peribadi kepada ahli, buat keputusan dan selesaikan masalah, berani untuk ambil risiko dan terima kesan daripadanya, boleh bekerja dengan pujian dan pengiktirafan yang minimum, menyediakan keperluan keluarga, mengambil bahagian dengan perkhidmatan yang disediakan untuk keluarga serta bersikap positif dan profesional semasa berurusan dengan perkhidmatan tersebut.

Frederico et al. (2018) juga berpendapat bahawa seorang ketua juga memainkan peranan dalam menyokong ahli keluarga yang lain untuk membuat keputusan yang terbaik. Selain daripada ibu bapa, anak-anak juga boleh dilatih untuk menjadi ketua bagi sesi ini. Ia memberikan satu nilai tanggungjawab bagi ketua untuk menjayakan sesi dialog yang dikendalikan dengan sebaiknya (Abdul Karim 2009). Kepimpinan yang baik akan memberi kesan terhadap kepuasan ahli, moral dan budaya keluarga. (Frederico et al. 2018).

5.2 Menentukan tempoh masa perbincangan

Menurut Hynes (2016) penentuan masa sesi perbincangan memerlukan faktor strategik seperti bilakah masa yang sesuai untuk semua ahli dan berapakah tempoh masa yang perlu diambil bagi setiap sesi. Ini kerana setiap individu menghargai masa peribadi mereka dan apabila masa tersebut tidak dimanfaatkan dengan efektif, ia akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan ahli keluarga. Abdul Karim (2009) menyebut penentuan tempoh masa dari awal bagi setiap sesi dialog yang dijalankan adalah sangat penting. Beliau juga mencadangkan 30 minit diberikan jika terdapat ahli keluarga yang berumur kurang dari 10 tahun. Menurut kajian Mutiara et al. (2020), tahap tumpuan kanak-kanak tujuh tahun ialah lima hingga tujuh minit. Setelah tujuh minit, kanak-kanak akan mengalihkan perhatiannya kepada perkara lain. Menurut Richman (2000) pula, kanak-kanak mengambil sedikit masa untuk membiasakan diri, oleh itu satu sesi dialog yang agak panjang lebih baik daripada sekadar dialog dua atau tiga minit. Beliau juga menambah bahawa tempoh masa 20 minit adalah bersesuaian.

Namun begitu, semakin meningkat umur anak-anak terutamanya pada fasa remaja, kebimbangan dan keinginan mereka juga meningkat dan lebih kompleks (Abdul Karim 2009). Hal ini kerana remaja perlu menyesuaikan diri mereka dengan perubahan fizikal, emosi, persekitaran dan sosial serta keseluruhan aspek kehidupannya (Azizan 2003). Fasa remaja ialah fasa mereka berhadapan dengan pelbagai krisis dalam proses pembentukan identiti. Jika remaja tidak dipandu dan dibantu dengan baik semasa fasa ini, ia akan mewujudkan jurang generasi antara ibu bapa dengan remaja (Azizan 2003). Selain itu, Abdul Karim (2009) juga mencadangkan hanya satu topik sahaja yang perlu dibincangkan bagi setiap satu sesi perbincangan. Ini kerana untuk mengelakkan daripada berlaku kekeliruan percampuran pelbagai topik dan masalah serta kata sepakat dapat dicapai dengan jelas pada akhir dialog. Hal ini selari dengan kenyataan Aminah (1999) iaitu penumpuan tenaga dan usaha dalam suatu perkara sahaja akan memberikan jaminan yang positif terhadap penglibatan ibu bapa dalam urusan keluarga.

5.3 Memilih tempat yang sesuai untuk menjalankan sesi dialog

Pemilihan tempat adalah sangat penting semasa menjalankan sesi dialog ini (Abdul Karim 2009; Hynes 2016). Susunan kedudukan juga perlu selesa contohnya seperti orang dewasa dan anak-anak duduk bersama di satu sudut di atas aras yang sama. Jika ibu bapa duduk di atas tikar, anak-anak turut duduk di atas tikar dan jika berada di atas kerusi, kedua-dua pihak juga perlu berada di atas kerusi (Richman 2000). Elakkan daripada memilih tempat yang terbuka dan bising kerana fokus ahli keluarga akan terganggu. Tempat yang terbaik ialah tempat yang tenang dan tertutup. Gangguan seperti bunyi televisyen dan telefon pintar perlu dielakkan sepanjang sesi berlangsung (Abdul Karim 2009).

5.4 Memegang matlamat utama sesi dialog diadakan bersama ahli keluarga

Fokus pertama sesi dialog diadakan antara ibu bapa dengan anak-anak ialah untuk mengukuhkan perasaan kasih-sayang dan mengeratkan hubungan antara ahli keluarga. Matlamat utama ini sangat penting untuk difahami oleh setiap ahli keluarga dan ia menentukan kejayaan bagi setiap sesi dialog yang diadakan. Berdialog juga bertujuan untuk memperbaiki dan menambah baik hubungan setiap ahli keluarga (Abdul Karim 2009).

Terdapat ibu bapa yang berdialog dengan anak seperti sedang berdialog dengan musuh atau saingan syarikat. Hal ini akan memburukkan lagi hubungan keluarga tanpa mendatangkan sebarang manfaat (Abdul Karim 2009). Menurut Aminah (1999), ibu bapa yang berkelakuan kasar dan ganas akan menyebabkan anak-anak bersifat cenderung untuk mencabar kuasa ibu bapa mereka. Anak-anak akan mula bertindak nakal sehingga menyebabkan ibu bapa rasa terancam, tercabar dan berlakunya pergaduhan. Tambahan pula, nada marah di dalam percakapan cenderung untuk membuatkan seseorang panik, takut, salah faham dengan mesej dan menghalang proses komunikasi (Runcan et al. 2012).

Selain itu, setiap ahli yang terlibat perlu diberitahu terlebih dahulu berkenaan agenda atau topik yang ingin dibincangkan supaya kesemua ahli dapat membuat persediaan awal. Hal ini kerana kegagalan berbuat demikian akan menimbulkan kebimbangan kepada ahli dan perbincangan akan menjadi berulang-ulang (Hynes 2016).

5.5 Memerlukan suasana yang tenang dan kesediaan psikologi setiap ahli

Komunikasi antara ibu bapa dengan anak memerlukan kemahiran, ketersediaan dan masa setiap ahli (Runcan et al. 2012). Ibu bapa perlu mencari masa yang sesuai iaitu setiap ahli keluarga berada dalam keadaan yang tenang, bertenaga, bukan berada dalam keadaan yang tertekan. Malah, ia merupakan satu nilai tambah jika ibu dapat membuat kejutan dengan hidangan yang sedap semasa atau selepas sesi dialog. Ia boleh dijadikan sebagai tarikan sampingan bagi sesi dialog keluarga. Hal ini menjadikan setiap ahli keluarga sentiasa menantikan sesi dialog bersama kerana ia menyeronokkan dan menghiburkan (Abdul Karim 2009).

Apabila sesi berdialog dijalankan dalam keadaan ahli keluarga keletihan, kebosanan atau ketakutan, ia akan memberikan kesan terhadap perkara-perkara yang akan diutarakan dalam sesi dialog. Ia cenderung kepada pesimisme iaitu

memandang sesuatu dari sudut yang negatif. Anak-anak akan lebih menolak perkara yang diutarakan, putus asa dan bersikap tidak ambil peduli akan hasilnya (Abdul Karim 2009). Bagi memastikan keberkesanan komunikasi yang dijalankan, penyampai iaitu ibu bapa perlu melihat tahap kesediaan penerima mesej iaitu anak-anak dari aspek fizikal dan juga psikologi (Amir & Ahmad 2016).

Namun begitu, bagi sesetengah keluarga sesi dialog yang hangat dijalankan semasa waktu makan bersama disebabkan oleh kekangan masa. Akibatnya, ahli keluarga akan tinggalkan meja makan dalam keadaan marah kerana sesuatu perkara yang disebut oleh ahli yang lain. Waktu makan seperti makan malam bersama keluarga merupakan suatu masa yang menyeronokkan untuk bertanya khabar dan berkongsi berita gembira. Ia bukanlah masa yang sesuai untuk menyelesaikan masalah (Abdul Karim 2009).


5.6 Membuka ruang untuk ahli keluarga bersuara dan mengakui pandangan mereka

Menjalankan satu sesi dialog bersama keluarga bermakna ibu dan bapa perlu mengakui pandangan setiap ahli keluarga tidak kira umur tua atau muda (Abdul Karim 2009). Amina (1999) berpandangan bahawa ibu bapa yang berwibawa akan berusaha untuk mengurangkan perbezaan taraf mereka dengan anak-anak dengan menghormati anak-anak. Sifat mesra antara ahli keluarga hanya akan timbul apabila setiap ahli mengamalkan nilai hormat-menghormati antara satu sama lain.

Setiap anak di dalam sesi ini perlu diberikan peluang untuk bersuara dan menyatakan pendapat mereka dengan tempoh masa yang sama. Dalam masa yang sama, ahli keluarga yang dewasa perlu membantu untuk menggalakkan penglibatan ahli-ahli yang muda. Namun begitu, tidak semestinya semua pandangan perlu dipersetujui. Hal ini penting bagi menjayakan sebuah dialog dan menggalakkan anak-anak untuk menyuarakan pendapat mereka. Ia juga membantu meningkatkan tahap keyakinan anak-anak (Abdul Karim 2009). Semasa anak-anak sedang menyampaikan sesuatu, ibu bapa perlu fokus kepada mereka dan dengar apa yang mereka ingin sampaikan (Putu & Ulio 2020)

Pola keluarga jenis ini disebut sebagai keluarga konsensus (*consensual family*) berdasarkan model pola komunikasi keluarga oleh Koerner dan Fitzpatrick (2006).

Rajah 1 Model Pola Komunikasi Keluarga oleh Koerner dan Fitzpatrick (2006)



Pendekatan *al-Hiwār* dijalankan dalam keluarga konsensus menunjukkan keseimbangan tahap dialog dan keakraban dengan memberi peluang setiap ahli keluarga untuk memberikan pandangan seterusnya keputusan akhir dibuat oleh ahli keluarga yang berautoriti dengan persetujuan kesemua ahli lain. Tahap keakraban hubungan adik-beradik dilihat tinggi dalam keluarga yang mengamalkan dialog dan keakraban (*conformity*) berbanding keluarga yang tidak mengamalkan kedua-duanya (Samek & Rueter 2011). Pola keluarga konsensus ini juga mempunyai persamaan dengan ciri-ciri pola keluarga autoritatif berdasarkan model Baumrinds (1971). Sesi dialog yang dijalankan adalah merupakan satu rundingan bersama dan luahan perasaan yang mempunyai nilai toleransi. Dalam masa yang sama, ibu atau bapa memainkan peranan untuk memandu sesi dialog ini secara positif. Segala perkara yang berbentuk negatif seperti cercaan dan hinaan adalah tidak wajar ditimbulkan semasa berdialog (Abdul Karim 2009).

5.7 Bersifat santai dan selitkan unsur jenaka

Disebabkan sesi dialog ini terdiri daripada pelbagai lapisan umur seperti kanak-kanak, remaja, belia dan dewasa, ibu bapa perlu mengusahakan dialog yang bersifat santai untuk mencapai dialog yang berkesan. Selain itu, unsur-unsur jenaka atau gurauan juga boleh diselitkan semasa dialog dijalankan (Abdul Karim 2009). Gurauan, senyuman dan gelak tawa boleh membantu anak-anak untuk bertenang dan mula untuk mempercayai orang yang lebih dewasa (Richman 2000).

Antara perkara yang disarankan untuk dilakukan semasa berdialog ialah memuji sebarang idea-idea baik yang diberikan oleh ahli keluarga, memulakan atau mengakhiri sesi dialog dengan anekdot (kisah ringkas yang lucu) oleh beberapa ahli, memberikan peluang kepada anak-anak kecil yang berumur tiga atau empat tahun untuk berkongsi kisah mereka dan memanggil nama anak-anak dengan panggilan manja atau panggilan yang disayangi. Kesemua ini akan menyebarkan kegembiraan dalam kalangan ahli keluarga kerana manusia akan lebih tertarik dengan individu yang boleh membuatkan mereka ketawa (Abdul Karim 2009).

5.8 Menggunakan bahasa yang jelas

Setiap ahli keluarga perlulah menggunakan bahasa yang jelas dan difahami oleh semua. Ia merupakan suatu bonus jika setiap ahli menunjukkan ekspresi semasa berkomunikasi (Abdul Karim 2009). Kadang-kala, anak-anak tidak memahami mesej yang disampaikan ibu bapa dan ia menyebabkan ibu bapa gagal untuk memahami anak-anak berkenaan sesuatu perkara. Hal ini kerana ibu bapa tidak memilih cara atau kaedah yang betul dalam menyampaikan mesej kepada anak (Runcan et al. 2012). Ciri-ciri komunikator yang baik ialah menggunakan bahasa yang sesuai, jelas, padat dengan nada suara yang lembut. Penyampai juga perlu mengelakkan penggunaan perkataan yang mempunyai maksud yang tersirat bagi mengelakkan salah faham (Amir & Ahmad 2016). Richman (2000) memberi saranan supaya orang yang lebih dewasa perlu menjelaskan sesuatu dengan menghubungkan tentang apa yang ingin disampaikan dengan pengalaman peribadi anak-anak.

Dalam masa yang sama, bahasa yang digunakan oleh orang dewasa terhadap anak-anak mestilah bahasa yang baik. Hal ini kerana anak-anak akan menolak pelawaan ibu bapa jika mereka dilayan dengan kasar dan tidak hormat (Abdul Karim 2009). Ibu bapa juga boleh menggunakan kaedah pujukan terhadap anak-anak semasa berinteraksi dengan mereka. Kaedah pujukan memberikan hasil yang berkesan untuk mempengaruhi anak-anak dan seterusnya dapat mengubah tingkah laku mereka. Kaedah pujukan ini juga dilihat lebih berkesan jika dilakukan oleh individu yang mempunyai kredibiliti atau pengetahuan yang lebih terhadap sesuatu perkara yang dibincangkan (Mahmood 2005). Selain itu, nada yang tenang semasa berkomunikasi juga akan mewujudkan keselesaan dari sudut psikologi dan mesej yang disampaikan akan lebih cepat dan mudah difahami (Runcan et al. 2012).

5.9 Mengawal sesi dialog supaya tidak berlaku pergaduhan

Seperti yang telah dinyatakan di atas, sesi dialog ini merupakan sesi rundingan bersama yang penuh dengan kesopanan bahasa (Abdul Karim 2009). Dialog berasaskan perkataan yang disebut oleh satu pihak untuk didengari oleh pihak yang lain serta memberikan maklum balas ke atas perkataan tersebut (Mahjub 2006). Hal ini kerana sebuah dialog terdiri daripada tiga tahap iaitu meraih, respons dan reaksi (Bellack et al. 1966). Namun begitu, kualiti sebuah dialog perlu dijaga sepanjang sesi berjalan supaya ia tidak berubah menjadi satu sesi pertengkaran. Antara perkara yang perlu dielakkan ialah meninggikan suara, memboikot pembicara, menyerang mana-mana ahli, bercakap dengan nada ugutan dan memfitnah. Oleh yang demikian, ketua bagi setiap sesi bertanggungjawab meminimalkan sebarang unsur negatif sepanjang sesi berlangsung (Abdul Karim 2009).

Selain itu, ibu bapa juga perlu memerhatikan komunikasi tanpa bahasa setiap ahli seperti ekspresi muka, renungan mata, pergerakan anggota tubuh dan sentuhan. Hal ini kerana komunikasi tanpa bahasa ini dapat membantu ibu bapa mengenal pasti emosi dan mengenali ragam setiap ahli dalam sesi tersebut (Mahmood 2005). Sebagai satu langkah pencegahan awal, dua pihak yang sedang menghadapi konflik tidak digalakkan untuk duduk secara bersemuka kerana ia meningkatkan tumpuan mereka kepada pergaduhan dan seterusnya mencetuskan pertengkaran (Abdul Karim 2009).

Sabda Rasulullah SAW:

لَا تَبَاغُضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا تَحَاسَدُوا وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا، وَلَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ
فَوْقَ ثَلَاثِ لَيَالٍ

Maksudnya:

Janganlah kalian saling membenci, janganlah kalian saling membelakangi dan janganlah kalian saling dengki. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim tidak halal menjauhi saudaranya lebih dari tiga hari. (Abū 'Abdullah

Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī. 2002. *Ṣahih al-Bukhārī*. Kitab *al-Adab, Bāb mā yunhā 'ani al-tahāsudi wa al-tadābur*, no hadis: 6065, hlm: 1519)

5.10 Mengetengahkan perkara-perkara yang telah dipersetujui pada awal sesi

Pengulangan perkara yang penting adalah perlu pada akhir sesi dialog (Abdul Karim 2009). Hal ini selari dengan perbuatan Rasulullah SAW yang mengulang satu perkara yang penting sebanyak tiga kali.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا سَلَّمَ إِذَا سَلَّمَ ثَلَاثًا، وَإِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا ثَلَاثًا

Maksudnya:

Nabi SAW apabila memberi salam, diucapkannya sebanyak tiga kali dan apabila berbicara dengan perkataan diulanginya tiga kali. (Abī 'Abdullah Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī. 2002. *Ṣahih al-Bukhārī*. *Kitāb al-Isti'dhān, Bāb al-Taslīm wa al-Isti'dhān thalāthan*, no hadis: 6244, hlm: 1^o58)

Secara keseluruhannya, Abdul Karim Bakkar memperkenalkan sepuluh kaedah *al-Hiwār* yang boleh dijalankan dalam keluarga iaitu melantik seorang ketua bagi setiap sesi, menentukan tempoh masa, memilih tempat yang sesuai, berpegang dengan matlamat utama, menyediakan suasana yang tenang dan kesediaan psikologi ahli, membuka ruang untuk ahli keluarga bersuara, bersifat santai dan selitkan unsur jenaka, menggunakan bahasa yang jelas, mengawal sesi dialog bagi mengelakkan pergaduhan dan mengulang semula perkara-perkara yang telah dipersetujui pada akhir sesi perbincangan.

6.0 Perbincangan

Isu kekeluargaan bukanlah suatu isu yang perlu diambil mudah oleh setiap ahli keluarga. Dalam memperbaiki hubungan keluarga, setiap ahli keluarga perlu bekerjasama dan ibu bapa sebagai orang yang lebih dewasa perlu memainkan peranan dalam menyatukan ahli keluarga. Ibu dan bapa merupakan nakhoda kapal dalam pelayaran kehidupan berkeluarga. Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah dalam keluarga atau meningkatkan tahap komunikasi keluarga, para ibu bapa boleh menjadikan pendekatan *al-Hiwār* yang dibawa oleh Abdul Karim Bakkar sebagai satu panduan. Pendekatan yang diketengahkan adalah menurut perspektif kontemporari dan sesuai dengan kehidupan pada zaman ini. Maka, ia wajar dan mampu untuk diusahakan.

Namun begitu, di dalam kitab ini tidak disebutkan secara khusus berapa kerap sesi dialog perlu dijalankan oleh keluarga. Hisham et al. (2013) berpendapat mengadakan mesyuarat keluarga sebagai acara bulanan adalah merupakan suatu kaedah yang terbaik dalam menjalankan orientasi komunikasi dua hala. Komunikasi dua hala merupakan dasar bagi mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia. Ibu bapa perlu menawan hati anak-anak mereka dengan kasih sayang, kesabaran dan komunikasi yang bersifat dua hala. Dengan peningkatan terhadap kasih sayang dan sensitiviti sesama ahli keluarga, komunikasi antara kedua-dua pihak juga akan bertambah jelas dan kefahaman akan berkembang (Hisham et al. 2013).

Tambahnya lagi, komunikasi secara terbuka antara ibu bapa dengan anak sejak kecil lagi akan membantu mereka untuk berkongsi tentang ketakutan mereka.

Pendekatan *al-Hiwār* bukanlah suatu perkara baharu malah ia telah diamalkan sejak beribu tahun lamanya dalam kehidupan terutamanya dalam sistem pendidikan. Al-Nahlawi (1995) menyebut bahawa *al-Hiwār* merupakan metode yang berkesan dalam menerapkan iman anak-anak dan mengawal sikap serta tingkah laku mereka. Sepanjang proses ini juga, emosi dan perasaan ahli keluarga dapat dilihat kerana topik yang dibincangkan bersifat manusiawi dan memberi kesan kepada jiwa. Proses ini juga dapat memberi ruang dan peluang kepada anak untuk bertanya berkenaan sesuatu perkara yang runsing bagi mereka. Hal ini mendukung hakikat bahawa institusi keluarga merupakan tempat pertama dalam membangunkan keperibadian dan mental seseorang individu (Sutinah 2019).

Melalui usaha memperbaiki hubungan dan komunikasi keluarga, ia akan memberikan impak yang positif dalam pelbagai perkara yang besar sehingga melibatkan keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara. Melalui pendekatan *al-Hiwār*, ia akan memberi kesan kepada tahap kepuasan dalam perhubungan ibu bapa dengan anak (Mohamad Nasir et al. 2008), dapat mengenali ahli keluarga dengan lebih mendalam (Hisham et al. 2013), kualiti dalam berkomunikasi dapat dijalankan (Mohamad Nasir et al. 2008), lebih menikmati masa bersama keluarga (Hisham et al. 2013), kepercayaan anak terhadap ibu bapa bertambah (Mohamad Nasir et al. 2008), membentuk anak-anak yang gembira dan bertanggungjawab (Hisham et al. 2013), mengajar anak tingkah laku yang bersesuaian dan nilai hormat semasa berinteraksi dengan orang lain (Hisham et al. 2013), setiap ahli mengambil bahagian dalam membuat keputusan (Hisham et al. 2013), bertukar-tukar kemahiran (Hisham et al. 2013) dan lain-lain lagi.

Dari sudut pandang anak terutamanya remaja, mereka lebih cenderung untuk menyelesaikan konflik yang berlaku dengan orientasi percakapan berbanding kepatuhan. Apabila ibu bapa memilih orientasi kepatuhan semasa menyelesaikan konflik, anak akan lebih cenderung untuk mencari suatu figur lain untuk meluahkan masalahnya (Damayanti 2013). Tambahan pula, Mohamad Nasir et al. (2008) mendapati bahawa tahap kepuasan dan harapan anak remaja lelaki terhadap ibu bapa mereka lebih rendah daripada anak remaja perempuan. Oleh itu, pendekatan *al-Hiwār* ini boleh dijadikan sebagai inisiatif dalam mempertingkatkan lagi kualiti komunikasi anak lelaki dengan ibu bapa mereka. Ia selari dengan kajian-kajian lepas yang banyak memberikan saranan untuk membuat penambahbaikan dalam kualiti hubungan ibu bapa dengan anak mereka.

Penyelesaian konflik dengan kaedah *al-Hiwār* di dalam keluarga juga menunjukkan satu usaha ibu bapa untuk berlaku adil terhadap kesemua anak mereka. Keadilan yang dijalankan akan mencegah sifat dengki dan benci dalam kalangan keluarga. Dalam masa yang sama, ia dapat memupuk cinta dan kasih sayang dalam keluarga (Amini & Siti Zobidah, 2017). Perintah ibu bapa perlu berlaku adil terhadap anak ini juga disebutkan dalam hadis Nabi SAW iaitu;

اتَّقُوا اللَّهَ، وَاعْدِلُوا فِي أَوْلَادِكُمْ

Maksudnya:

Bertakwalah kalian kepada Allah dan berlaku adil kalian terhadap anak-anak kalian. (Abī al-Husain Muslim, *Ṣahih Muslim*, *Kitāb al-Habāt, Bāb karāhah tafḍīl ba ḍa al-Aulād fi al-Mahbah*, no. hadis: 1623/13, hlm: 1242)

Tuntasnya, pendekatan *al-Hiwār* dengan kaedah yang betul wajar diamalkan sebagai inisiatif memperbaiki komunikasi dan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Ia juga selari dengan konsep keluarga Muslim yang dapat berinteraksi sesama mereka dengan penuh nilai kasih sayang, toleransi, menjalankan tanggungjawab masing-masing mengikut hak yang perlu ditunaikan dan ketaatan terhadap agama Islam dan undang-undang negara. Semoga dengan pengaplikasian *al-Hiwār*, ia dapat membentuk masyarakat yang lebih harmoni dalam pelbagai aspek kehidupan.

7.0 Kesimpulan

Berdasarkan huraian yang dibawa di dalam kajian ini, ia jelas menunjukkan bahawa komunikasi yang berkualiti dan berkesan sesama ahli keluarga mencorakkan budaya keluarga yang positif di samping dapat membentuk dan membina peribadi seseorang dengan baik. Pendekatan *al-Hiwār* yang dibawa oleh Abdul Karim Bakkar dalam kitab *al-Tarbiyyah al-Rashīdah* boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan buat keluarga khususnya ibu dan bapa. Ia juga boleh dijadikan sebagai satu langkah pencegahan bagi menangani isu-isu yang lebih besar melibatkan isu akidah, masalah tingkah laku, sosial, kesihatan, jenayah dan lain-lain yang berkaitan. Hal ini kerana, komunikasi merupakan kunci kepada kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah keluarga. Keluarga yang harmoni kemudiannya memainkan peranan yang penting dalam melahirkan sebuah masyarakat bertamadun yang sihat mental, emosi, jasmani dan rohani.

Cadangan pengkaji untuk kajian akan datang ialah menggunakan pendekatan *al-Hiwār* ini dalam membangunkan sebuah model dan modul yang boleh diaplikasikan dalam masyarakat.

Rujukan

- Abdul Karim Bakkar. 2011. *al-Tarbiyyah al-Rashīdah: al-Tawāṣul al-Asrī*. Riyadh: Muassasah al-Islām al-Yaum.
- Abi al-Husain Muslim. (1991). *Ṣahih Muslim*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alīm.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*, Vol 11. Isu 1, hlm. 1-17.
- Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang. 2016. Dialog Antara Agama Menurut Perspektif Islam. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies* Vol 3. Isu 2, hlm. 22-34.
- Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyah al-Mu‘aṣarah*. Kaherah: ‘Alimu al-Kitāb.
- Alm, S., Brolin, Låftman S. & Bohman, H. (2019) Poor Family Relationships in Adolescence and the Risk of Premature Death: Findings from the Stockholm Birth Cohort Study. *Int J Environ Res Public Health*, Vol 14;16. Isu 10, hlm. 1690. doi: 10.3390/ijerph16101690. PMID: 31091771; PMCID: PMC6571769.

- Alm S., Låftman S. B., Sivertsson F. & Bohman H. (2020) Poor family relationships in adolescence as a risk factor of in-patient psychiatric care across the life course: A prospective cohort study. *Scandinavian Journal of Public Health*, 48(7):726-732. doi:10.1177/1403494820902914
- Amina Noor. (1999). *Kaedah Mendidik Anak jadi Cemerlang Cara Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Amini Amir Abdullah & Siti Zobidah Omar. (2017). Komunikasi dan Keluarga: Satu Perspektif Islam. *Journal of Muslim Affairs*, 3(2), 107-122.
- Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus. (2016). *Siri Latihan Pembangunan Staf Komunikasi Berkesan*. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/308414649_KOMUNIKASI_BERKESAN.
- Azizan Baharuddin. 2003. *Keluarga Bahagia yang Diidamkan*. Kuala Lumpur: Matang Cipta.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monographs*, 4.
- Bellack, A. A., Kliebard, H. M., Hyman, R. T. & Smith, J. F. L. (1966). *The Language of the Classroom*. New York: Teachers College Press.
- al-Bukhārī, Abu 'Abdullah Muhammad Isma'il. (t.th). *Sahih al-Bukhari*. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Cooper, D. K., Erolin, K. S., Wieling, E., Durtschi, J., Aguilar, E., Higuera, M. O. D., & Garcia-Huidobro, D. (2021). Family Violence, PTSD, and Parent-Child Interactions: Dyadic Data Analysis with Mexican Families. *Child Youth Care Forum*, 49(6), 915-940.
- Damayanti Wardyaningrum. (2013). Komunikasi untuk Penyelesaian Konflik dalam Keluarga: Orientasi Percakapan dan Orientasi Kepatuhan. *Jurnal Al-Azhar Indonesia Pranata Sosial*, 2(1), 47-58.
- Frederico, M., Long, M. & Cameron, N. (2018). *Leadership in Child and Family Practice*. New York: Routledge.
- Hisham Altalib, Abdul Hamid Abu Sulayman & Omar Altalib. (2013). *Parent-child Relations A Guide to Raising Children*. London: The International Institute of Islamic Thoughts.
- Holman, A. & Kellas, J. K. 2018. Say something instead of nothing: Adolescents' perceptions of memorable conversations about sex-related topics with their parents. *Communication Monographs*, 85 (3): 357-379.
- Hye Jin Seo, Young-Eun Jung, Moon-Doo Kim & Won-Myong Bahk. (2017). Factors associated with bullying victimization among Korean adolescents. *Neuropsychiatric Disease and Treatment*, 13, 2429-2435.
- Hynes, G. E. (2016). *Managerial Communication Strategies and Applications*. New Delhi: SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Iwan Falahudin. (2021). Konsep Keluarga Sakinah Sebagai Solusi Alternatif Konflik Rumah Tangga. *Jurnal Kediklatan Balai Diklat Keagamaan Jakarta*, 2(1), 16-31.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhor, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131-140.

- Koerner A. F. & Fitzpatrick, M. A. (2006). Family Communication Patterns Theory: A Social Cognitive Approach. In: Braithwaite DO, Baxter LA, editors. *Engaging theories in family communication: Multiple perspectives*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Mahjub, 'Abbas. (2006). *Al-hikmah wa al-hiwār*. Irbid: 'Alam al-Kutub al-Hadīth.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma Razhanlaily Ab Razak & Salasiah Hanin Hamjah. (2017). Faktor Zina dan Kesannya dalam Kehidupan Remaja. *Jurnal Sains Insani*, 2(2), 1-9.
- Maryam Pyar Ali Lakhdar, Shafquat Rozi, Ghazal Peerwani & Apsara Ali Nathwan. (2020). Effect of parent child relationship on physical aggression among adolescents: Global school-based student health survey. *Health Psychology Open*, July-December 2020, 1-8.
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon & Ezarina Zakaria. (2018). *Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Berkawal: Suatu Penerokaan*. Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding), Johor Bahru, 7-8 November 2018.
- Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim, Aklis Puteh, Muhamad Dzahir Kasa & Nur Fasiah Roslan. (2016). Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. *Sains Humanika*, 8, (4-2), 9-16.
- Mohamad Nasir Saludin, Rika Fatimah, P. L. & Tan Yin Chi. (2008). Kepuasan serta Harapan Mengenai Hubungan antara Ibumama dan Anak: Berdasarkan Kawalan Fuzzy Logic. *Jurnal e-Personalia Pelajar*, 11.
- Mutiara Tioni Asprillia, Laila Qodariah & Fredrick Dermawan Purba. 2020. First Grader's Attention Span During In-Class Activity. *GUIDENA Jurnal Ilmu Pendidikan Psikologi Bimbingan dan Konseling*, 10(2), 144-150.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. (1995). *Pendidikan Islam di Rumah, Sekolah dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insani.
- Putu Adi Saskara & Ulio. (2020). Peran Komunikasi Keluarga dalam Mengatasi "Toxic Parents" bagi Kesehatan Mental Anak. *Pratama Widya: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5(2), 125-134.
- Ramayulis. (1990). *Metode Pengajaran Agama Islam*. Jakarta: Kalam Mulya.
- Reynolds, M. C., John, J. S., Abel, M., Brown, C., Fuger, K. L., Hiler, R. K. & Ragon, K. (2012). *Core Competencies of Family Leaders: A Guide for Families and Organizations*. Kansas City: University of Missouri-Kansas City.
- Richman, N. (2000). *Communicating with Children*. London: The Save the Children Fund.
- Runcan, P. L., Constatineanu, C., Ielics, B. & Popa, Dorin. (2012). The role of communication in the parent-child interaction. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 46(2012), 904-908.
- Samek, D. R., Rueter, M. A. (2011). Association between Family Communication Patterns, Sibling Closeness, and Adoptive Status. *J Marriage Fam.*, 73(5), 1015-1031.
- Sutinah. (2019). Metode Pendidikan Keluarga dalam Perspektif Islam. *Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*, 8(1), 161-224.

- Syah Rizal, Hamdi Ishak & Najah Nadiah Amran. (2017). *Hubungan Antara Amalan Ibu Bapa dengan Tingkah Laku Remaja*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017.
- University of Minnesota. (2016). *Communication in the Real World*. Minnesota: University of Minnesota Libraries Publishing.
- Wang, F., Lin, L., Xu, M., Li, L., Lu, J. & Zhou, X. (2019). Mental Health among Left-Behind Children in Rural China in Relation to Parent-Child Communication. *Int. J. Environ. Res. Public Health*, 16(10), 1855.
- Year Yulista. (2021). Dinamika Komunikasi Keluarga di Tengah Isu Pandemi Covid-19. *Mawa'izh Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*, 12(1), 82-100.